

Lebanon pelawa penerbangan terus

BH 14 NOV 2000

DOHA, Isnin - Lebanon mempelawa Malaysia mengadakan penerbangan terus ke negara itu dari Kuala Lumpur selain diberi hak kebebasan mengambil penumpang di sana.

Tawaran itu dibuat Perdana Menteri Lebanon, Rafik al-Hariri dalam pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Lebanon juga berminat mengadakan kerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang lain.

Kedua-dua pemimpin itu berada di sini bagi menghadiri sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Sejak tiba di sini Sabtu lalu, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin lain termasuk Presiden Sudan Omar Hassan al-Bashir, Presiden Senegal Abdoulaye Wade, Presiden Somalia Abdi Kassim Salad dan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz Al-Saud dari Arab Saudi.

Dalam pertemuan dengan Omar Hassan, Sudan mempelawa Malaysia meningkatkan pelaburan di negara itu termasuk menyertai projek hidro elektrik serta pengangkutan melalui Sungai Nil.

Somalia pula berharap Malaysia dapat meneruskan pelaburan di negara itu manakala Senegal meminta Malaysia aktif melabur dalam pelbagai bidang termasuk industri kapas.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas

majlis jamuan bersama rakyat Malaysia di Kelab Diplomatik di sini, malam tadi, berkata Arab Saudi juga berminat merapatkan lagi hubungan dengan Malaysia.

Perdana Menteri yang berlepas ke Brunei malam ini, untuk menghadiri Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (Apec), pagi ini turut mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa lagi pemimpin Islam termasuk Presiden Palestine, Yasser Arafat.